

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai perkembangan semasa berkaitan Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), yang diambil alih daripada beberapa buah sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) beberapa tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2008 sehingga kini sebanyak 22 Sekolah Agama Negeri / Sekolah Agama Rakyat Negeri Kelantan (di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam Kelantan) telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di antara perkembangan yang telah dilaksanakan di SABK Kelantan dalam bidang pembangunan seperti berikut:

1. 39 projek pembangunan telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Projek Rangsangan Khas (PRK) tahun 2012.
2. 20 projek pembangunan telah dilaksanakan dengan menggunakan Peruntukan Khas tahun 2015.

Semua projek yang dinyatakan di atas dikendalikan sama ada oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan atau Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan atau Lembaga Pengelola Sekolah yang terbabit.

Manakala di bidang perkhidmatan/perolehan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi bantuan seperti berikut;

1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan; Kebersihan Kawasan dan Bangunan, dan Bekalan Makanan Asrama (BMA).
2. Perbekalan perabot bilik darjah, pejabat guru dan asrama murid.

Manakala di bidang akademik pula perkembangannya seperti berikut:

1. Tiada sekolah di negeri Kelantan berada di Band 7, hanya sebuah sekolah berada di Band 3, tiga (3) sekolah di Band 4 dan 16 sekolah di Band 5 serta sebuah sekolah berada di Band 6.
2. Lembaga Pengelola Sekolah SABK Kelantan telah bersetuju untuk melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBD dan KBT) mulai sesi persekolahan tahun 2016.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 142

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Kerajaan tidak menerbitkan "*Factual Information*" sebagai lampiran pokok kepada "*Interim Statement*" yang wajib diterbitkan pada ulangtahun kedua bagi nahas pesawat MH370 mengikut ketetapan *Annex 13, Chicago Convention* yang dikelolakan oleh ICAO.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pasukan penyiasat *MH370 Annex 13 Safety Investigation Team* telah mengeluarkan *Interim Statement* pada 8 Mac 2015 sempena ulangtahun pertama kehilangan pesawat MAS MH370. Dalam hubungan ini, pasukan penyiasat telah melampirkan bersama 600 mukasurat *Factual Information* yang bukan syarat mandatori di bawah *International Civil Aviation Organization (ICAO) Annex 13 - Aircraft Accident and Incident Investigation*.

Factual information tersebut boleh diperoleh di laman sesawang Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui capaian <http://www.mot.gov.my/my/Laporan%20MH%20370/Factual%20Information%20Safety%20Investigation%20For%20MH370.pdf>.

Semasa ulangtahun kedua kehilangan pesawat MAS MH370 pada 8 Mac 2016, pasukan penyiasat juga telah mengeluarkan *Interim Statement* sebagaimana syarat mandatori di bawah Annex 13. Walau bagaimanapun, tiada lampiran berhubung *Factual Information* baru yang dikeluarkan bersama memandangkan maklumat yang disediakan sebelum ini masih terpakai dan tiada perubahan terkini.